

AGGRESIF DI KALANGAN REMAJA (Part 2)

Azizi Hj Yahaya

Gejala Buli

Dewasa ini gejala buli tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Beberapa insiden buli dan pelanggaran disiplin telah dilaporkan semakin menular di sekolah-sekolah menengah mahupun rendah.

Akhbar di Malaysia telah melaporkan bahawa seorang pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama meninggal dunia akibat dibelasah oleh sekumpulan pelajar senior. Gejala tingkah laku buli ini yang membabitkan pelajar aliran agama amat memmeranjatkan masyarakat kerana sepatutnya pelajar-pelajar aliran agama ini memberi contoh yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah lain namun matlamat tersebut masih lagi belum tercapai. Berdasarkan laporan media massa, keseriusan masalah buli dalam kalangan murid sekolah perlulah ditangani dengan segera. Jika tidak, ianya mungkin menjadi satu masalah besar kepada negara pada masa hadapan. Peningkatan jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah, seperti kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, buli dan bunuh telah menimbulkan kebimbangan segenap lapisan masyarakat di seluruh negara.

Perlakuan buli dikalangan pelajar sekolah ini bukan sahaja serius malah ia mencemarkan Institusi Pendidikan Negara dan perlu ditangani segera. Kerjasama dari semua pihak amat diharapkan agar gejala ini dapat dibendung dengan segera sebelum ia menjadi lebih parah dari asalnya. Namun, apa yang kita dapat perhatikan trend masyarakat pada masa kini dengan hanya menunding jari dan lepas tangan sahaja. Sepatutnya, masyarakat perlu mengembleng tenaga dan usaha untuk membenters gelaja buli ini dan mencari penyelesaian bagi masalah ini. Masyarakat sering kali menyalahkan ibu bapa kerana tidak memberi sepenuh perhatian kepada anak mereka malah guru juga turut di persalahkan kerana tidak bertanggungjawab mendisiplinkan pelajar terbabit.

Oleh itu, bagi menangani masalah ini, kita perlu mencari punca utama yang terjadinya perlakuan buli ini dikalangan pelajar sekolah. Di dalam penulisan ilmiah ini akan diterangkan definisi buli, faktor terjadinya buli, kesan-kesan buli dan cara menangani masalah buli ini.

Kesimpulannya, masyarakat dan semua pihak perlu mengambil perhatian yang serius kerana masalah ini perlu dibendung sebelum ia merebak dan menggagalkan hasrat dan aspirasi negara bagi melahirkan modal insan yang menjadi contoh di mata dunia.

Buli didefinisikan sebagai satu set tingkah laku yang di lakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaratn fizikal serta psikologi penerimanya. Tingkah laku buli adalah termasuk bersifat mengejek, penyisihan sosial dan memukul (Smith dan Thompson, 1991). Tingkah laku buli boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan negatif oleh seseorang yang lebih kuat atau berkuasa terhadap seseorang yang lain yang lebih lemah atau kurang berkuasa secara berulang kali. Tingkah laku buli ialah tingkah laku aggresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau secara berkumpulan (Olweus, 1993).

Malah, tingkah laku aggresif boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidak selesaan atau kesakitan ke atas individu lain iaitu mangsa buli. Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, buli bermaksud perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru. Ia juga membawa makna mempermainkan orang lemah dengan tujuan menggertak atau menakutkan. Perlakuan buli juga merujuk kepada penyalahgunaan kuasa. Penyalahgunaan ini merujuk kepada operasi psikologi dan fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah dan tidak berupaya mempertahankan dirinya dari kumpulan yang lebih berkuasa (Azizi Yahaya, 2007).Setelah di lihat pada definisi buli, dapat dinyatakan bahawa buli adalah perlakuan yang bertujuan untuk memudaratkan mangsa yang lemah yang boleh memberi kesan fizikal dan sosial kepada mangsa.

Menurut Azizi Yahaya (2007), Komponen Ketiga Model Identifikasi Multidimensi Perlakuan Buli mengambil kira dinamik sosial tiga kumpulan utama yang terlibat secara langsung dalam perlakuan buli ialah pembuli, mangsa dan pemerhati. Pembuli ialah seseorang yang memilih mangsanya berdasarkan aspek kelemahan mangsa dan ketidakmampuan mangsa untuk melawan. Pembuli selalunya menggunakan kuasa keatas mangsa yang tidak mempunyai keupayaan. Manakala mangsa pula adalah seseorang yang tidak mampu dan tidak berupaya dari aspek fizikal, psikologi, kesorangan, rasa tidak selamat dan kurang berkeyakinan dengan dirinya. Mangsa buli ini biasanya dikaitkan dengan individu yang tidak berdaya dan tidak berkuasa.

Akhir sekali, pemerhati adalah seseorang individu yang menjadi penonton dalam kejadian buli. Mereka samada menyokong di pihak pembuli ataupun rakan penyokong kepada yang dibuli. Pemerhati boleh bertindak sebagai salah satu wadah penyelesaian dan aktiviti pencegahan buli.

Para pengkaji telah mengenal pasti tiga elemen buli terdapat dalam kalangan pembuli iaitu fizikal, lisan dan antisosial (Olweus, 1993). Tingkah laku buli fizikal dan lisan merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Tingkah laku buli anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku buli secara tidak langsung. Tingkah laku buli fizikal adalah seperti memukul, menarik rambut dan menendang. Tingkah laku buli verbal ialah seperti mengejek, menghina dan mengusik. Tingkah laku buli yang berkaitan dengan tingkah laku anti sosial ialah memulau,

menggossip, memfitnah dan merosakkan harta benda. Tingkah laku buli dalam bentuk verbal juga merupakan tingkah laku buli berbentuk psikologi. Manakala tingkah laku buli dalam bentuk antisosial boleh berlaku dalam bentuk fizikal seperti merosakkan harta benda atau dalam bentuk psikologi seperti pemulauan dan fitnah.

Perlakuan buli secara langsung boleh dinyatakan sebagai tindakan agresif secara fizikal dan boleh dicirikan sebagai serangan terbuka terhadap mangsa termasuk perlakuan fizikal dan lisan yang agresif. Manakala, perlakuan buli secara tidak langsung adalah dilakukan secara tidak langsung seperti umpatan, penyisihan dan memanipulasi status sosial individu dengan menukar persepsi orang terhadap mangsa.

Seperti kita sedia maklum, tingkah laku buli yang berpunca dari pelbagai faktor seperti faktor biologi dan perangai, pengaruh keluarga, rakan sebaya dan persekitaran telah menyebabkan masalah ini terus berleluasa dalam kalangan para pelajar, khususnya pelajar sekolah menengah. Pada peringkat usia ini, mereka sedang mengalami krisis identiti iaitu mencari identiti tersendiri untuk berhadapan dengan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling. Justeru itu, pelajar masih mentah dalam kehidupan ini sering terpengaruh dengan persekitaran yang akan memesongkan mereka dari landasan yang sebenar, seterusnya terlibat dengan gejala tingkah lakubuli ini.

Namun, faktor yang utama boleh dibahagikan kepada empat iaitu faktor individu, Faktor keluarga, rakan sebaya, sekolah, media dan faktor kawalan sendiri remaja tersebut. Bagi faktor individu ciri personaliti dan sikap seseorang individu mungkin menjadi punca kepada satu perlakuan buli. Lazimnya pembuli mempunyai kekuatan fizikal dan tidak mempunyai tanggungjawab terhadap tindakan yang telah mereka lakukan, ada sikap ingin mengawal dan mendominasi orang lain. Manakala, mangsa buli lazimnya menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman seperti sikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diganggu.

Faktor keluarga juga memainkan peranan yang penting dalam ciri perlakuan buli. Penggunaan kekerasan dan tindakan yang keterlaluan oleh ibu bapa akan menggalakkan tingkah laku buli di kalangan kanak-kanak. Tindakan ahli keluarga yang secara keterlaluan mendera samada secara lisan atau fizikal akan mengajar kanak-kanak bertingkah laku ganas dan agresif. Kanak-kanak tersebut menerima ajaran secara tidak langsung bahawa tindakan menentang ialah cara bagi mereka untuk menyelesaikan masalah.

CONTINUE...